3E ACCOUNTING

one stop solution for your business

**A Firm Registered with the Malaysian Institute of Accountants**

# PROSEDUR STANDARD PEMERBADANAN SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD (SDN BHD)

## Kerja-Kerja Awal

- ✓ Klien/Pelanggan melengkapkan borang pemerbadanan secara online.
- ✓ 3E mengesahkan ketersediaan nama yang dicadangkan kepada pelanggan dalam tempoh 24 jam.
- ✓ Pelanggan menghanter emel kepada kami berhubung nama yang ditempah berserta dengan maklumat diperlukan dan slip bayaran bagi khidmat profesional kami.
- ✓ Selepas penerimaan bayaran, nama syarikat akan disimpan mengikut permintaan klien.

## Permohonan Tempahan Nama

- ✓ Hantar Tempahan Nama kepada SSM (kelulusan dalam 1-3 hari bekerja).

  * RM50 bagi setiap carian nama

**Ditolak**

*Sekiranya ditolak, pelanggan perlu mencadangkan nama lain bagi melakukan tempahan nama sekali lagi.*

**Diluluskan**

## Persediaan Dokumen-Dokumen Pemerbadanan

- ✓ Pelanggan boleh mengunjungi bank yang dikehendaki bagi memahami keperluan serta prosedur pembukaan akaun bank. Selepas itu hantar maklumat yang diperlukan kepada 3E bagi persediaan dokumen-dokumen yang relevan.

## Menandatangani Dokumen-Dokumen Pemerbadanan

- ✓ Kesemua pengarah/pemegang saham berkunjung ke pejabat 3E bagi menandatangani dokumen-dokumen pemerbadanan; atau
- ✓ Sekiranya terdapat mana-mana pemegang saham/pengarah yang tidak dapat hadir ke pejabat 3E Accounting untuk menandatangani dokumen pemerbadanan, beliau perlu mewakilkan orang lain untuk bertindak selaku saksi dan/atau datang sendiri ke pejabat Pesuruhjaya Sumpah/Notari Awam untuk memperakukan Notis Perisytiharan sebelum Perlantikan Pengarah. Selepas itu, hantarkan semua salinan asal dokumen-dokumen pemerbadanan yang ditandatangani kepada 3E untuk diperbadankan.

## Penghantaran kepada SSM untuk pemerbadanan

- ✓ 3E menghantar borang-borang yang relevan kepada SSM untuk pemerbadanan syarikat.

**Disoal**

*Sekiranya disoal, jawab soalan daripada SSM dan hantar sekali lagi untuk kelulusan.*

**Diluluskan**

## Syarikat Berjaya Diperbadankan

- ✓ SSM akan mengeluarkan Notis Pendaftaran.
- ✓ 3E akan menghantar Pemberitahuan Perlantikan Setiausaha Pertama dalam tempoh 30 hari selepas pemerbadanan dan Perlembagaan standard.
- ✓ Penghantaran emel bagi semua dokumen berkaitan pemerbadanan kepada pelanggan untuk tujuan rekod (Salinan dokumen yang disahkan berserta setem getah syarikat sedia dihantar kepada/diambil klien.
- ✓ Klien boleh teruskan dengan pembukaan akaun bank.

## Selepas Pemerbadanan

- ✓ Pelanggan boleh memilih untuk meningkatkan modal berbayar (lebih dari RM1,000) dengan bayaran selepas akaun bank dibuka.
- ✓ Dapatkan lesen/permit sebelum memulakan perniagaan.
- ✓ Pastikan keperluan Pematuhan Korporat dituruti (daftar GST, Cukai Pendapatan, KWSP, PERKESO dan sebagainya).